

12 MAR 2001

Zainuddin-M'siakini

ZAINUDDIN HARAP M'SIAKINI JADIKAN LAMAN WEB DIYAKINI RAMAI

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin berkata portal berita internet, Malaysiakini.com, harus menghasilkan laporan dan maklumat yang seimbang supaya dapat diyakini oleh rakyat.

"Saya tidak mengharapkan mereka beri sokongan kepada kerajaan tetapi mereka juga tidak harus dilihat sebagai sebuah laman web yang menentang kerajaan sepanjang masa," katanya kepada pemberita selepas menemui tiga wakil Malaysiakini di pejabatnya di sini.

Mereka ialah Ketua Pengarang Steven Gan, Pengarang Berita Fathi Aris Omar dan Ketua Pegawai Eksekutif Premesh Chandran.

Zainuddin berkata apa yang disiarkan oleh akhbar internet itu juga haruslah ada kejujuran dan kredibiliti.

"Kalau Malaysiakini mempunyai kredibiliti, mereka juga akan boleh 'survive' sebagai laman web yang mendapat sokongan para pengiklan di negara ini," katanya.

Pertemuan itu diadakan setelah Zainuddin dan Malaysiakini sejak bulan lepas menyuarakan rasa tidak puas hati masing-masing terhadap satu sama lain melalui media sehingga Gan mengutus surat kepada Zainuddin untuk menemuinya bagi memberi penjelasan mengenai perjalanan portal berita internet itu.

Zainuddin pada bulan lepas dilaporkan sebagai berkata Malaysiakini tidak dibenarkan membuat liputan sidang media membabitkan menteri kabinet Malaysia bukan kerana ia kritikal kepada kerajaan tetapi kerana kredibilitinya diragui.

Beliau juga telah memetik laporan "Far Eastern Economic Review" bertarikh 8 Feb mengandungi temubual dengan George Soros, yang dianggap penyangak matawang antarabangsa, yang menyebut bahawa Malaysiakini ialah pertubuhan media yang menerima bantuan "Open Society Fund" milik Soros, membuktikan kredibiliti akhbar internet itu diragui.

Zainuddin berkata pertemuan empat mata selama satu setengah jam itu berjalan dengan baik dengan masing-masing pihak agak terbuka dengan pandangan masing-masing.

"Saya gembira apabila mereka nyatakan komitmen mereka terhadap visi (Perdana Menteri) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga terhadap visi negara," katanya.

Zainuddin juga berkata pada peringkat ini, rakyat melihat Malaysiakini sebagai sebuah portal berita internet yang "anti-establishment".

Mengenai alasan bahawa wartawan Malaysiakini tidak mempunyai kad akuan akhbar sehingga menyulitkan mereka membuat liputan, beliau berkata alasan itu tidak seharusnya dijadikan sebab untuk mereka mengambil sikap membuat laporan yang tidak seimbang.

Ketika ditanya sama ada isu Malaysiakini menerima bantuan dana daripada Soros turut dibincangkan, beliau berkata; "Saya kata (pada mereka) yang lepas tu, lepaslah dan kita mulakan era baru. Soal-soal itu bukan jadi satu masalah untuk kita bekerjasama."

Terdahulu, Gan yang ditemui selepas pertemuan itu berkata pihaknya telah membangkitkan masalah kad akuan akhbar untuk wartawan Malaysiakini.

Beliau berkata permohonan mereka untuk mendapatkan kad akuan itu telah ditolak oleh kementerian itu pada April lepas kerana mereka tidak mempunyai lesen penerbitan.

"Sebagai laman web internet, kami tidak dikehendaki mendapatkan lesen

penerbitan. Bagaimanapun kementerian (Penerangan) perlu mengemas kini dasarnya mengenai kad akuan akhbar bagi Malaysiakini terutama memandangkan bahawa kami adakan wartawan internet," kata beliau, sambil menambah kata bahawa Zainuddin telah menyatakan persetujuan untuk mengkaji perkara itu.

Gan juga berkata Malaysiakini akan terus menjadi media bebas, dan pihaknya perlu mempunyai kad akuan akhbar supaya mereka juga boleh melaporkan tentang apa yang dikatakan oleh pihak kerajaan.

"Datuk (Zainuddin) mahu kami menjadi kurang kritikal. Saya rasa pendirian kami ialah kami adalah media bebas... kami akan terus mengkritik di mana perlu."

Gan memberi jaminan bahawa penulis Malaysiakini akan terus memberi laporan yang seimbang dalam perkara yang berkaitan dengan pendapat.

"Kami akan terus membenarkan mereka memberikan pendapat berdasarkan kepada fakta yang betul," katanya.

Ketika ditanya sama ada pertemuan itu juga menyentuh tentang dana yang dikatakan diterima oleh Malaysiakini daripada Soros, Gan berkata perkara itu dibincangkan secara ringkas.

-- BERNAMA

NZ AHH NMO